

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 03 JANUARI 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Wind conditions ease up in three east coast states	New Straits Times
2	Amaran angin kencang dan laut bergelora	Bernama.com
3	Bapa dituduh dera anak lelaki sehingga mati bersama teman wanita	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
NEWS STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 03 JANUARI 2014 (JUMAAT)

Wind conditions ease up in three east coast states

KUALA LUMPUR: Strong winds and rough sea off the coasts of Kelantan, Terengganu and Pahang is expected to ease by today.

The Meteorological Department said the strong winds and rough sea categorised as third category, which lasted until yesterday, would be downgraded.

Its weather forecast centre director, Muhammad Helmi Abdullah, said the strength of the wind would decrease as they moved into second category in the

weekend for all the coastline in Malaysia.

"There will be strong winds and rough sea conditions but the intensity will reduce.

"For Sabah and Sarawak, the coastline facing the South China Sea for Sarawak, Labuan and Sabah (Interior, West Coast and Kudat) are at category two.

"But the intensity of the wind is expected to reduce as well in the weekend and we won't be carrying on with the alert."

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 3 JANUARI 2014 (JUMAAT)



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora yang kini melanda perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur kategori ketiga dijangka berterusan sehingga Jumaat.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini, keadaan angin dengan kelajuan 60km sejam dan ombak melebihi 5.5 meter itu boleh menyebabkan kenaikan paras air laut, serta berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pelantar minyak.

Kenyataan itu juga menyebut keadaan angin kencang dan laut bergelora kategori kedua melanda perairan Sabah meliputi kawasan pedalaman, pantai barat dan Kudat serta Labuan dan Sarawak.

Keadaan angin kencang yang bertiup antara 50 dan 60 km/jam serta ombak setinggi 4.5 meter itu dijangka berterusan sehingga Jumaat ini, jelas kenyataan itu.

Keadaan ribut petir pula akan berterusan sehingga lewat malam ini dan berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan, feri dan aktiviti menangkap ikan.

Keadaan angin kencang yang bertiup antara 40 dan 50 km/jam serta ombak setinggi 3.5 meter juga berbahaya kepada semua bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Keadaan ribut petir berkenaan melanda kawasan perairan Sarawak meliputi Mukah, Bintulu dan Miri, Wilayah Persekutuan Labuan, manakala di Sabah berlaku di pedalaman, pantai barat dan Kudat.

Ribut petir yang melanda kawasan perairan Pulau Pinang, Perak dan Sandakan, Sabah juga dijangka berterusan sehingga lewat malam ini.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 3 JANUARI 2014 (JUMAAT)



Bapa Dituduh Dera Anak Lelaki Sehingga Mati Bersama Teman Wanita

JOHOR BAHRU, 2 Jan (Bernama) -- Seorang bapa bersama teman wanitanya dihadapkan di Mahkamah Majistret di sini Khamis atas tuduhan membunuh anak lelakinya, berusia tiga tahun, dalam kejadian di sebuah apartmen di Kulaijaya, pada Disember tahun lepas.

Tertuduh Mohd Imran Mohd Ramly, 31 tahun, dan pasangannya Norhidayah Mamid 27, didakwa bersama-sama melakukan perbuatan itu antara jam 12 tengah malam 16 Dis sehingga 6.45 petang 19 Dis, di sebuah apartmen di Bandar Putra, Kulaijaya.

Kanak-kanak malang itu Muhammad Aqeef Adam Mohd Imran dipercayai didera oleh pasangan itu dalam tempoh berkenaan sehingga menyebabkan kematiannya pada 19 Dis.

Mohd Imran dari Kampung Paya Renggoh, Johol, Negeri Sembilan yang bekerja sebagai pengurus sebuah syarikat, dan Norhidayah dari Taman Lagenda Putra, Kulaijaya, Johor yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan, mengangguk faham sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Salina Omar.

Tiada sebarang pengakuan dicatatkan daripada pasangan itu.

Mahkamah kemudian menetapkan 5 Feb depan sebagai tarikh sebutan semula kes di Mahkamah Majistret Kulai sementara menunggu keputusan bedah siasat dan laporan Jabatan Kimia.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Dzul Iswari Mohd Jaafar mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman mati mandatori.

-- BERNAMA